Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

**Jabatan Pendaftar**
*Registrar Department*

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel. : +609 424 5200
Faks : +609 424 5222

Rujukan Kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 8 (1)
Tarikh : 30 Januari 2019

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN: PELAKSANAAN CUTI PERISTIWA PADA 31 JANUARI 2019 SEMPENA ISTIADAT MELAFAZ DAN MENANDA TANGANI SURAT SUMPAH JAWATAN SEBAGAI SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG KE XVI OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI SULTAN HJ AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH KEPADA STAF DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas serta Kenyataan Media YAB Menteri Besar Pahang pada 30 Januari 2019 adalah berkenaan.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak pengurusan Universiti telah memutuskan agar, bersempena Istiadat Melafaz Dan Menanda Tangani Surat Sumpah Jawatan Sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Ke XVI Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 31 Januari 2019 yang adalah diumumkan sebagai Hari Cuti Peristiwa bagi Negeri Pahang.

4. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang aktiviti yang telah dirancang untuk berlangsung pada 31 Januari 2019 yang mana sebarang pindaan terhadapnya bakal melibatkan implikasi kewangan kepada Universiti boleh dipertimbangkan untuk diteruskan tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan masing-masing. Staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Univeristi ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkenaan oleh Ketua Jabatan di atas faktor-faktor kepentingan Universiti, adalah turut diberi pengecualian.

5. Staf yang dikehendaki bekerja pada 31 Januari 2019 boleh membuat tuntutan Cuti Gantian pada suatu tarikh yang lain, dan kelayakan Cuti Gantian akan dimasukkan secara automatik berdasarkan rekod kehadiran *check in* dan *check out* staf.

Sekian, untuk makluman. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menurut perintah,

**(ABD HAMID BIN MAJID)**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang